



SOALAN & JAWAPAN

1) Adakah permohonan ini dikenakan bayaran?

Tidak.

2) Dimanakah saya boleh dapatkan pengesahan bagi Daftar Lewat Kelahiran/ Lewat Kematian?

Pengesahan Kelahiran/ Kematian boleh dipohon di Jabatan Rekod Perubatan.

3) Bolehkah pengesahan itu saya dapatkan pada hari ini juga?

Tidak. Jangkamasa siap adalah dalam tempoh 7 hari bekerja.

4) Bolehkah wakil memohon?

Boleh. Perlu membawa dokumen-dokumen berkaitan. Sila rujuk mukasurat 1 bagi dokumen yang diperlukan.

5) Jika terdapat kesilapan pada Borang Pengesahan Kelahiran/ Permit Menguburkan, bolehkah dipinda?

Sila hadir bersama dokumen yang berkenaan ke Jabatan Rekod Perubatan untuk semakan semula.

6) Adakah permohonan Lewat Kelahiran diterima oleh pihak JPN sekiranya tiada Borang Pengesahan Kelahiran?

Diterima. Pihak Jabatan Rekod Perubatan akan mengemukakan Surat Pengesahan Kelahiran Bayi.

Lampiran 1

Borang Pengesahan Kelahiran

Lampiran 2

Contoh surat 'Covering Letter' dari Jabatan Pendaftaran Negara, Cawangan Daerah Gombak.

PANDUAN DAFTAR LEWAT KELAHIRAN & LEWAT KEMATIAN



JABATAN REKOD PERUBATAN HOSPITAL SELAYANG

Aras 3, Hospital Selayang,
Lebuhraya Selayang-Kepong,
68100 Batu Caves, Selangor.

No. Tel. Hospital: 03-61263333
ext : 3064 / 3066
(Unit Pengurusan Rekod Perubatan)

No. Faks Hospital: 03-61377097
Website: <http://hselayang.moh.gov.my>

A

TATACARA MEMOHON & PROSES DAFTAR LEWAT KELAHIRAN / KEMATIAN

- 1) **Permohonan Di Kaunter**
Sila hadir di Kaunter Laporan Perubatan, Jabatan Rekod Perubatan mengikut Waktu Urusan Pejabat.
- 2) **Permohonan Melalui Pos**
Surat permohonan secara bertulis oleh pemohon (nyatakan tarikh kelahiran/ kematian). Rujuk keperluan dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama.
- 3) **Permohonan Lewat Kelahiran** akan dirujuk ke **Dewan Bersalin** untuk semakan jika Buku Daftar Kelahiran tiada dalam simpanan Jabatan Rekod Perubatan.
(Borang JPN LM 01 rujuk Buku Daftar Kelahiran).
Permohonan Lewat Kematian akan dirujuk ke **Jabatan Forensik** untuk semakan.
(Borang JPN LM 02 rujuk Buku Daftar Kematian).
- 4) Jangkamasa siap adalah dalam tempoh **7 hari bekerja** dari tarikh terima permohonan lengkap.
Permohonan yang LENGKAP sahaja akan diproses dalam tempoh yang ditetapkan.

1

B

DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :

JENIS PERMOHONAN	DOKUMEN-DOKUMEN
Daftar Lewat Kelahiran	<ol style="list-style-type: none"> 1) Salinan Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri ibubapa kandung/ penjaga/ pemohon. 2) Buku pemeriksaan ibu mengandung (warna merah – jika ada). 3) Borang Pengesahan Kelahiran (jika ada). Sila rujuk Lampiran 1. 4) Surat rasmi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau Keputusan Carian Dalam Daftar JPN LM 14 beserta Borang JPN LM 01 (jika ada). Sila rujuk Lampiran 2.
Daftar Lewat Kematian	<ol style="list-style-type: none"> 1) Salinan Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri simati/ waris/ pemohon. 2) Dokumen asal/ salinan Permit Menguburkan (jika ada). 3) Surat rasmi daripada JPN (jika ada). 4) Borang JPN LM 02.

2

C

SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMILIKI DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI:

- 1) **Borang Pengesahan Kelahiran**
Anda boleh mengemukakan Laporan Polis sebagai dokumen sokongan.
- 2) **Buku Pemeriksaan Ibu Mengandung (warna merah) dan Rekod Kesihatan Kanak-kanak**
Anda perlu memaklumkan kepada pihak Hospital dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Pihak hospital **TIDAK BOLEH** mengesahkan kelahiran atau kematian sekiranya kelahiran atau kematian itu bukan di Hospital Selayang.

**Waktu Urusan Pejabat
Unit Pengurusan Rekod Perubatan**

Isnin – Khamis
8.00 pagi – 5.00 petang

Jumaat
8.00 pagi – 12.15 t/hari
2.45 petang – 5.00 petang

3